



PEMBERITAHUAN

UJIAN KOD MORSE SIRI PERTAMA TAHUN 2011

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Ujian Kod Morse (CW) siri pertama bagi tahun 2011 bagi memenuhi kehendak Peraturan 26(2), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, pada tarikh dan waktu seperti berikut.

No. Siri Ujian	Tarikh dan Masa Ujian	Tarikh Tutup Permohonan	Pusat Peperiksaan
CW 2011-1	23 Mar 2011, Jam 10 pagi	18 Feb 2011, Jam 5:00 Petang	Wilayah Tengah (Cyberjaya)

Kelayakan bagi menduduki ujian tersebut adalah seperti berikut:

1. Berumur 18 tahun ke atas pada hari ujian dilangsungkan; dan
2. Memiliki Penguntukan Radas Stesen Amatur Kelas B (9W), yang sah untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun pada tarikh ujian dilangsungkan.

Individu yang berminat dan berkelayakan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Borang permohonan boleh diperolehi dari Ibu Pejabat SKMM dan laman web rasmi SKMM di www.skmm.gov.my.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta bayarannya, satu salinan dokumen Pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Paspot) dan satu salinan Pengutukan Radas Stesen Amatur, hendaklah dikembalikan kepada:

Bahagian Teknologi, Standard dan Rangkaian
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Sila tuliskan nombor siri ujian yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat anda. Yuran ujian adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50.00) dan perlu dijelaskan melalui **Wang Pos Malaysia atau Deraf Bank** yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan atas nama **"SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA"** dan mestilah dikepilkan bersama borang permohonannya. Permohonan yang disertakan dengan lain-lain kaedah pembayaran akan ditolak.

Jumlah calon adalah terhad dan keutamaan diberikan kepada permohonan awal yang diterima. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui laman web rasmi SKMM di www.skmm.gov.my dan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari ujian dilangsungkan. Sila hubungi Cik Ida Khairuniah (03-8688 8265) untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan.